

**UCAPAN**  
**Y.A.B. DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI MAJLIS PERASMIAN KOMPLEKS AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI**  
**PETRONAS AT TRONOH, PERAK DARUL RIDZUAN**  
**22 OGOS 2004**

-----

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

Y.A.BHG. TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
CANSOLOR UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS

Y.A.B. DATUK SERI TAJOL ROSLI BIN GHAZALI  
MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN

Y.BHG. TAN SRI DATO' MOHAMAD HASSAN MARICAN  
PRESIDEN PETRONAS DAN PEMANGKU PENERUSI PETRONAS

Y.BHG. DR. ROSTI SARUWONO  
REKTOR DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS

DIF-DIF KEHORMAT

SAUDARA DAN SAUDARI YANG DIHORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA DAPAT KITA HADIR BERSAMA DI MAJLIS YANG PENUH BERMAKNA INI. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PIHAK UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS (U.T.P.) ATAS PEMBUKAAN KOMPLEKS AKADEMIKNYA YANG BARU. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA KOMPLEKS INI TELAH DIPERLENGKAPKAN DENGAN PELBAGAI KEMUDAHAN PEMBELAJARAN YANG CANGGIH. SAYA YAKIN DENGAN ADANYA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN SEPERTI INI, SERTA TENAGA PENGAJAR YANG PENUH DEDIKASI, U.T.P MAMPU MENJADI SATU PUSAT KECEMERLANGAN DALAM BIDANG PENDIDIKAN TEKNOLOGI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

2. SEPERTIMANA SAUDARA-SAUDARI SEDIA MAKLUM, SALAH SATU DARIPADA MATLAMAT PEMBANGUNAN NEGARA ADALAH UNTUK TERUS MEMPERKUKUHKAN EKONOMI NEGARA MELALUI SATU PROSES TRANSFORMASI DARIPADA EKONOMI BERASASKAN PEMBUATAN (PRODUCTION-BASED ECONOMY) KEPADA EKONOMI BERASASKAN PENGETAHUAN (KNOWLEDGE-BASED ECONOMY). INI ADALAH PENTING UNTUK MEMASTIKAN NEGARA DAPAT TERUS BERSAING DALAM EKONOMI GLOBAL YANG SEMAKIN KOMPETITIF DAN MENCABAR. SESUNGGUHNYA, DALAM EKONOMI GLOBAL INI, NILAI EKONOMI YANG TERBESAR DIRAIH DARIPADA PROSES-PROSES INOVASI DAN KREATIVITI DALAM CARA BERFIKIR, BUKAN LAGI DARIPADA PROSES PEMBUATAN PADA KOS TERENDAH.

3. OLEH ITU, MALAYSIA HARUS MEMANDANG JAUH DAN MEMBERI PENEKANAN KEPADA INDUSTRI-INDUSTRI BERASASKAN SAINS, BIOTEKNOLOGI, TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, SERTA AKTIVITI-AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D). UMPAMANYA, KERAJAAN TELAH MENUBUHKAN KORIDOR RAYA MULTIMEDIA (M.S.C.) UNTUK MENJADI PEMANGKIN KEPADA INDUSTRI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DI MALAYSIA. BEBERAPA LAGI INISIATIF KERAJAAN SEPERTI "BIOVALLEY" TURUT DIWUJUDKAN SUPAYA DAPAT MEMANGKINKAN INDUSTRI-INDUSTRI LAIN SEPERTI "AGRO-BIOTECH" DAN SEBAGAINYA.

4. NAMUN INDUSTRI-INDUSTRI SEPERTI INI TIDAK BOLEH WUJUD TANPA SATU ELEMEN YANG TERPENTING — IAITU TENAGA PEKERJA YANG BERPENDIDIKAN TINGGI DAN MAHIR DALAM TEKNOLOGI TERKINI. SELARAS DENGAN INI, KERAJAAN SEDAR BAHAWA SEKTOR PENDIDIKAN NEGARA HARUS JUGA MELALUI SATU ARUS PERUBAHAN YANG TERANCANG UNTUK MELAHIRKAN TENAGA PEKERJA TERSEBUT. BIDANG-BIDANG PENDIDIKAN YANG BERASASKAN SAINS DAN TEKNOLOGI TELAH DIBERI PENEKANAN DI PERINGKAT SEKOLAH DAN PASCA-SEKOLAH, KHUSUSNYA DI PERINGKAT SEKOLAH DAN KOLEJ TEKNIKAL, KOLEJ SERTA UNIVERSITI. PENDEKATAN ATAU CARA PEMBELAJARAN JUGA TERUS DIHALUSI SUPAYA DAPAT MELAHIRKAN PELAJAR YANG MAMPU BERFIKIR SECARA KREATIF DAN BERDIKARI, SERTA MAHIR DALAM PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM KERJA HARIAN.

5. DI PERINGKAT PENGAJIAN TINGGI, PERUNTUKAN PERBELANJAAN KERAJAAN YANG BESAR SERTA PENEKANAN YANG DIBERI KEPADA BIDANG PENDIDIKAN BERASASKAN SAINS DAN TEKNOLOGI TELAH BERJAYA MENGHASILKAN PENYELIDIK DAN PAKAR-PAKAR SAINS, KEJURUTERAAN, PERUBATAN, DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT YANG MAHIR. NAMUN, JUMLAHNYA MASIH TIDAK MENCUKUPI UNTUK MENAMPUNG PERMINTAAN YANG BEGITU BANYAK DARI PIHAK INDUSTRI. OLEH ITU, KERAJAAN TELAH MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH UNTUK MENAMBAH LAGI PELUANG PEMBELAJARAN, TERMASUK DENGAN MEMBUKA RUANG KEPADA SEKTOR SWASTA UNTUK SAMA-SAMA MEMAINKAN PERANAN DALAM MEMBANGUNKAN SEKTOR PENDIDIKAN NEGARA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

6. SESUNGGUHNYA, PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA DALAM SEKTOR PENDIDIKAN ADALAH AMAT DIALU-ALUKAN KERAJAAN. SECARA KESELURUHANNYA, BOLEH DIKATAKAN BAHAWA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (I.P.T.S.) TELAH BANYAK MEYUMBANG KEPADA PERKEMBANGAN SEKTOR PENDIDIKAN NEGARA, TERUTAMANYA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI.

7. PERTAMA, DENGAN PENUBUHAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA, LEBIH BANYAK PELUANG PEMBELAJARAN PADA PERINGKAT TINGGI DAPAT DIWUJUDKAN BAGI MENAMPUNG PERMINTAAN YANG KIAN MENINGKAT DARI DALAM DAN LUAR NEGARA. DI MALAYSIA KINI, TERDAPAT SEBANYAK 15 I.P.T.S. BERTARAF UNIVERSITI, 5 BERTARAF KOLEJ UNIVERSITI DAN 518 KOLEJ BUKAN BERTARAF

UNIVERSITI DI MALAYSIA. SECARA KESELURUHAN, I.P.T.S. MENYEDIAKAN PELUANG PEMBELAJARAN BAGI KIRA-KIRA 295,000 PELAJAR.

8. KEDUA, KEWUJUDAN I.P.T.S. TELAH MENGURANGKAN PENGALIRAN RINGGIT MALAYSIA KE LUAR NEGARA DAN SETERUSNYA MERANGSANG PERTUMBUHAN EKONOMI SETEMPAT. STATISTIK MENUNJUKKAN BAHAWA SERAMAI 23,000 PELAJAR ASING DIDAFTARKAN DENGAN I.P.T.S. DI SELURUH MALAYSIA. KEBANYAKAN DARI PELAJAR-PELAJAR ASING INI BERASAL DARI RANTAU AFRIKA, ASIA TENGAH, CINA DAN NEGARA ASEAN YANG LAIN. INI DAPAT MEMBUKTIKAN BAHAWA I.P.T.S. MALAYSIA BUKAN SAHAJA MENAWARKAN ALTERNATIF PENDIDIKAN YANG LEBIH RENDAH KOS PENGAJIANNYA, MALAHAN BERKUALITI DAN BERTARAF GLOBAL. JIKA PERKEMBANGAN SIHAT INI BERTERUSAN, MALAYSIA MAMPU MENJADI ANTARA "HUB" PENDIDIKAN TERKEMUKA DI RANTAU INI.

9. KETIGA, STRUKTUR DAN PERISIAN KURSUS DI I.P.T.S. YANG MEMPUNYAI RANGKAIAN HUBUNGAN YANG RAPAT DENGAN SEKTOR INDUSTRI DAPAT DIJADIKAN PANDUAN KEPADA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI LAIN DI DALAM NEGARA. INI PENTING BAGI MEMPERTINGKATKAN KUALITI PENDIDIKAN DAN MEMASTIKAN BAHAWA KURSUS YANG DITAWARKAN SENTIASA RELEVAN DAN MEMENUHI KEPERLUAN PASARAN.

10. SESUNGGUHNYA, RANGKAIAN HUBUNGAN YANG RAPAT ANTARA SEKTOR INDUSTRI DAN UNIVERSITI MERUPAKAN SALAH SATU FAKTOR TERPENTING UNTUK MEMASTIKAN DAYA SAING EKONOMI DAN TENAGA PEKERJA NEGARA TERPELIHARA. IA JUGA PENTING DARI SEGI PEMBANGUNAN PENDIDIKAN SAINS DAN TEKNOLOGI SERTA PENGUKUHAN SISTEM INOVASI NEGARA. UMPAMANYA, DALAM USAHA R&D ASAS DAN GUNAAN DALAM PELBAGAI BIDANG, PENGLIBATAN SECARA LANGSUNG PIHAK INDUSTRI AMAT KRITIKAL KERANA PIHAK INDUSTRI LAH YANG PALING KENAL DENGAN KEHENDAK KONSUMER SERTA YANG PALING TERDEDIAH KEPADA TEKNOLOGI TERKINI. OLEH ITU, DENGAN ADANYA KERJASAMA ANTARA PIHAK INDUSTRI DAN UNIVERSITI, KEMUNGKINAN UNTUK MENGHASILKAN PENYELIDIKAN YANG MAMPU DIKOMERSILKAN ADALAH JAUH LEBIH BESAR.

11. SAYA YAKIN JIKA BIDANG PENYELIDIKAN DAPAT DITEROKAI, DIKUASAI DAN DIMANFAATKAN SEPENUHNYA, INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI NEGARA INI MAMPU MUNCUL SETANDING DENGAN PUSAT-PUSAT R&D YANG TERKEMUKA DAN DISEGANI BUKAN SAHAJA DI RANTAU INI, TETAPI JUGA DI PERSADA DUNIA. JUSTERU ITU, KERAJAAN MENGGALAKKAN KERJASAMA PINTAR DIWUJUDKAN DI ANTARA UNIVERSITI DENGAN PIHAK INDUSTRI DALAM PELBAGAI ASPEK.

12. DALAM KONTEKS INI, KESEDIAAN SYARIKAT-SYARIKAT BESAR SEPERTI TELEKOM, TENAGA NASIONAL DAN PETRONAS UNTUK MENUBUHKAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI, LEBIH-LEBIH LAGI YANG MEMBERI TUMPUAN KHUSUS KEPADA BIDANG PENGAJIAN YANG DIPERLUKAN OLEH INDUSTRI NEGARA, ADALAH AMAT DIHARGAI. SAYA PERCAYA DENGAN PENDEKATAN PENDIDIKAN BERSIFAT "INDUSTRY-DRIVEN", INFRASTRUKTUR YANG CANGGIH, SERTA TENAGA PENGAJAR DAN PELAJAR YANG BERDEDIKASI, UNIVERSITI SEPERTI U.T.P. MAMPU MENJANA HASIL PENYELIDIKAN YANG BERMUTU. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA U.T.P. KINI

SEMAKIN DIKENALI SEBAGAI PUSAT RUJUKAN PENYELIDIKAN HIDROKARBON ANTARABANGSA. SAYA YAKIN BAHAWA DENGAN PENDEDAHAN KEPADA PENYELIDIKAN YANG BERSIFAT "CUTTING-EDGE" SEBEGINI, PARA PELAJAR JUGA DAPAT MENINGKATKAN KEUPAYAAN, KECEKAPAN DAN POTENSI MEREKA UNTUK MENJADI TENAGA KERJA BERPRESTASI TINGGI PADA MASA AKAN DATANG.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

13. PETRONAS SUDAH MENEMPA NAMA DI PERINGKAT ANTARABANGSA SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT YANG DINAMIK DAN DISEGANI. PETRONAS TELAH MEMBAWA IMEJ MALAYSIA YANG BERANI MENEROKA PASARAN BARU DI LUAR NEGARA. SAYA BERHARAP SEMANGAT INI AKAN MENJADI PERANGSANG KEPADA U.T.P. UNTUK TURUT MENCIPTA SEJARAH DENGAN MENJADIKANNYA SEBAGAI SEBUAH PUSAT R&D TERKEMUKA, DI RANTAU ASIA SEBAGAI PERMULAANNYA. SAYA AKUI BAHAWA INI BUKAN SESUATU YANG MUDAH. TETAPI IANYA BUKANLAH JUGA SESUATU YANG MUSTAHIL. SAYA YAKIN BAHAWA KEWUJUDAN U.T.P. INI SEKURANG-KURANGNYA AKAN MEMBERI HARAPAN KE ARAH CITA-CITA BESAR INI.

14. DI SAMPING ITU, SAYA BERHARAP AGAR INISIATIF PIHAK PETRONAS INI AKAN MENJADI PENDORONG KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA LAIN UNTUK TURUT MELIBATKAN DIRI DALAM SEKTOR PENDIDIKAN NEGARA. SAYA JUGA BERHARAP UNIVERSITI INI AKAN MENJADI PENERAJU KEPADA KECEMERLANGAN ILMU BAGI SEMUA LAPISAN MASYARAKAT UNTUK MENERUSKAN CITA-CITA AKADEMIK MEREKA. HANYA DENGAN ADANYA PENDIDIKAN YANG BAIK DAN KUKUH SAHAJALAH KITA AKAN DAPAT MENGUASAI TEKNOLOGI-TEKNOLOGI PENTING UNTUK MEMBOLEHKAN KITA TERUS MAJU KE HADAPAN BAGI MEMBINA TAMADUN BANGSA DAN NEGARA YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.

15. AKHIR KATA, SAYA INGIN SEKALI LAGI MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PIHAK PETRONAS DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS ATAS PERASMIAN KOMPLEKS AKADEMIK UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS.

TERIMA KASIH.